



**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN
NEGERI SARAWAK**
TINGKAT 2, BLOK E, QUEEN'S COURT
JALAN WAN ALWI
93350 KUCHING
SARAWAK



No. Tel : 082-454925
No. Faks : 082-462449

PPP/SWK 37/08 (7)

7 Januari 2009

Setiausaha
Persatuan Alumni Sekolah Lodge, Kuching
(Lodge School Alumni Association, Kuching)
Lodge Group of Schools, Lorong Keranji 4E
Jalan Keranji 4, Tabuan Desa
93350 Kuching
Sarawak



Tuan,

**Pendaftaran di bawah Akta Pertubuhan, 1966 -
Persatuan Alumni Sekolah Lodge, Kuching
(Lodge School Alumni Association, Kuching)**

Sukacita saya memaklumkan bahawa Jabatan ini meluluskan pendaftaran pertubuhan di atas. Bersama-sama ini disertakan satu salinan **perakuan pendaftaran** dan satu salinan undang-undang tubuh bagi pertubuhan tersebut. Kedua dokumen ini hendaklah disimpan di alamat yang didaftarkan.

2. Undang-undang tubuh pertubuhan ini adalah undang-undang berdaftar bagi pertubuhan tuan. Oleh itu, pertubuhan itu hendaklah ditadbirkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang tubuh tersebut.
3. Tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan adalah bertanggungjawab untuk mematuhi dan menyempurnakan semua kehendak Akta Pertubuhan, 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan, 1984.
4. Sila ambil perhatian bahawa sebarang pertukaran nama/alamat pertubuhan atau pindaan kepada undang-undang berdaftar pertubuhan tuan, hendaklah mendapatkan **kelulusan** daripada Pendaftar Pertubuhan mengikut Seksyen 11, Akta Pertubuhan, 1966.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,

(KEN LEBEN)

b.p. Pendaftar Pertubuhan Malaysia

s.k. Pendaftar Pertubuhan
Malaysia [PPM/SWK. 923 / 08]

Lampiran

(Sila catatkan nombor rujukan Jabatan ini apabila berhubung)